

**SEMINAR PEMANTAPAN PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL DIBAWAH PERATURAN-
PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (BUANGAN TERJADUAL) 2005 DAN HANDS-ON
PENGUNAAN SISTEM eSWIS**

31 Julai 2023, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka dengan kerjasama Kelab KESMA telah menganjurkan Seminar Pemantapan Pengurusan Buangan Terjadual dibawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Hands-on Penggunaan Sistem eSWIS pada 25 Julai 2023 yang lalu bertempat di Hotel MITC, Melaka. Seminar ini memberi peluang kepada premis, industri, orang awam dan perunding mengikuti secara terus sesi penerangan berkaitan keperluan pematuhan dibawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 melalui kaedah pelaporan sendiri kepada Jabatan Alam Sekitar melalui sistem "eSWIS" kepada semua peserta seminar. Seminar ini dirasmikan oleh Tuan Rosli bin Mustafa, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka. Bagi yang tidak berkesempatan mengikuti seminar pada kali ini, jangan bimbang kerana seminar siri kedua dalam perancangan.

[#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim](#)

[#JabatanAlamSekitar](#)

[#jasnegerimelaka](#)

[#AlamSekitarTanggungjawabBersama #KESMA2023](#)